

14/08/2001

Pakaian seragam baru Kastam November

LANGKAWI, Isnin - Kira-kira 8,000 anggota dan pegawai kastam di seluruh negara akan berpakaian seragam baru berwarna biru tua selewat-lewatnya November ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Halil Abdul Mutalib, berkata pertukaran pakaian seragam membabitkan kos hampir RM8 juta itu, pada dasarnya sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan sebelum ini, Tun Daim Zainuddin.

"Ia kini pada peringkat akhir menunggu kelulusan Jawatankuasa Pakaian Istiadat Negara yang akan mengadakan mesyuarat keduanya bulan ini," katanya selepas meninjau Pusat Latihan Akademi Kastam bagi Wilayah Utara yang baru siap, di Bukit Malut di sini, hari ini.

"Dengan berpakaian seragam baru ini, anggota dan pegawai Kastam akan lebih berkeyakinan dan dapat menampilkan imej lebih baik dalam menjalankan tugas mereka.

"Anggota semua pangkat akan memakai pakaian seragam sedikit berbeza, misalnya pegawai akan dikehendaki memakai 'bush jaket' manakala petugas di lapangan terbang memakai jaket lain," katanya.

Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung sebelum ini mencadangkan pakaian seragam pegawai dan kakitangan kastam yang digunakan sejak 1974 ditukarkan warna baru.

(END)